

10 OCT 1996

Mahathir-Pemimpin

MAHATHIR MAHU PEMIMPIN RASUAH DITOLAK

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta anggota-anggota Umno yang akan memilih pemimpin mereka pada Perhimpunan Agung hari ini supaya menolak dan menumbangkan semua calon yang boleh menghancurkan parti akibat pembabitan mereka dengan kegiatan rasuah atau berkempen menjelang perhimpunan itu.

"Tolak dan tumbangkan mereka sebelum mereka menumbangkan parti kita, sebelum mereka menggagalkan gerakan reformasi kita yang bermatlamat mewujudkan tamadun Melayu-Bumiputera baru...tolak mereka semua, jangan kira kawan atau rakan," kata Perdana Menteri ketika berucap merasmikan perhimpunan itu.

Perhimpunan kali ini menyaksikan pertandingan merebut pelbagai jawatan tertinggi parti untuk tempoh 1996-1999, termasuk tiga jawatan Naib Presiden dan 25 kerusi Majlis Tertinggi.

Dr Mahathir berkata kesetiaan kepada kawan yang tidak bermoral akan menghancurkan perjuangan bangsa dan negara.

"Sebagai orang Melayu, sebagai Bumiputera, sebagai pencinta bangsa, agama dan negara, calon-calon sedemikian mesti ditolak agar mereka dapat menerima mesej yang jelas bahawa Umno tidak mempunyai tempat bagi pemimpin yang rasuah," kata beliau.

Katanya Umno tidak akan rugi atau lemah jika mereka yang terlibat dengan rasuah dan ingkar kepada larangan berkempen tidak ada di kalangan pemimpin parti, mahupun dalam parti itu sendiri.

"Sebaliknya kita akan menjadi lebih kuat dan kita akan dapat menguruskan parti kita, perjuangan kita dengan baik dan dengan jayanya."

Dalam soal ini, Dr Mahathir berkata, beliau terpaksa mendedahkan pekung di dada sendiri walaupun amat sedih baginya berbuat demikian, kerana beliau benar-benar percaya akan malapetaka yang "bakal menimpa kita jika kita tidak menolak mereka yang menyogok kita".

Mengenai larangan berkempen menjelang pemilihan itu, beliau berkata ia penting bagi membendung gejala-gejala tidak sihat yang muncul dalam kempen-kempen pada pemilihan sebelum ini.

Yang penting ialah ahli-ahli dapat menilai sendiri prestasi calon-calon tanpa kempen yang sengaja memburukkan imej atau mendewa-dewakan calon.

Dengan perkataan lain, proses mendapat tempat dalam parti bermula di peringkat bawahan. Kadang-kadang ianya mengambil masa yang lama sebelum ketokohan seseorang itu dikenali dan diiktiraf.

"Hari ini ramai yang ingin lompat katak, entah dari mana, untuk menduduki tempat tertinggi dalam parti secepat mungkin," katanya.

Dr Mahathir juga berkata ada pihak mendakwa kononnya orang tertentu akan teraniaya dengan adanya larangan berkempen kerana kebolehannya tidak dapat ditonjolkan.

"Tetapi jika ada kempen pun, ada yang akan menjadi mangsa kerana mereka tidak berupaya berkempen sedangkan yang kurang berbakat mampu menggunakan taktik tertentu yang boleh menonjolkan diri mereka," kata beliau.

Sebenarnya yang cekap dan mampu berkempen dengan cara yang tidak sihat mungkin terdiri daripada orang yang tidak sesuai untuk memimpin parti dan kemungkinannya ialah dengan cara kempen sekarang, orang yang tidak mempunyai prinsip dan suka sogok akan memimpin parti.

"Parti tetap akan hancur jika orang seperti ini memimpin parti sehingga ke peringkat yang tertinggi kerana ia akan dipimpin oleh perasuah yang membeli jawatan dan bukan mendudukinya kerana kebolehan yang diperlukan

oleh parti dan kerajaan," kata beliau.

Beliau berkata larangan berkempen dibuat untuk menyelamatkan parti kerana yang penting dan utama ialah parti, bukan individu tertentu.

"Individu boleh dikecewakan tetapi parti perlu selamat dan berwibawa selama mungkin," katanya.

Daripada segi parti, kekecewaan beberapa tokoh tidak dapat dielakkan sama ada kempen dibenar atau tidak tetapi tanpa kempen, kerosakan kerana ada calon yang kecewa tidaklah seburuk kerosakan kerana kempen yang buruk dan sengit yang boleh memecah-belahkan parti, katanya.

Perdana Menteri mengakui ada calon dan anggota parti yang marah kerana tidak puas hati dengan tindakan mengharamkan secara langsung kempen dalam pemilihan pada kali ini sehingga ada yang menuduh kononnya macam-macam sekatan diadakan sehinggakan tidak siapapun kononnya dapat bergerak.

"Saya kata kononnya, kerana umum mengetahui ada yang bergerak. Kita tahu siapa di antara calon-calon yang aktif, menggunakan nama saya dan nama Timbalan Presiden (Datuk Seri Anwar Ibrahim), bahkan menghulurkan wang," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kemenangan calon seumpama itu tidak menjamin tindakan tidak akan diambil kemudian apabila terdapat bukti yang cukup dan wakil-wakil "yang ke sana ke sini untuk meminta itu dan ini" juga akan dikenakan tindakan disiplin, walaupun pemilihan sudah selesai.

Mengenai pemilihan itu sendiri, Dr Mahathir berkata lebih baik bagi seseorang calon itu tidak bertanding langsung bagi merebut jawatan parti "jika kita tidak sanggup menerima kekalahan" kerana yang penting dalam sesuatu pertandingan ialah semua pihak menerima keputusan.

"Sepertimana kita mahu pihak yang kalah menerima kita yang menang, kita juga apabila kalah, mesti menerima yang menang. Selesai pertandingan maka kita mesti rapatkan semula barisan untuk kita hadapi parti lawan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata demokrasi dalam parti mungkin tercemar sedikit berikutan keputusan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan pada kali ini.

"Jika saya tidak silap, niat kita (memutuskan demikian) ialah untuk mengelak daripada kempen dan pergelutan yang akan memecah-belahkan parti seperti yang berlaku dalam tahun 1987. Ingatlah demokrasi ialah untuk kebaikan parti dan bukan parti diadakan untuk demokrasi kerana demokrasi tanpa parti yang berwibawa tidak bermakna," kata beliau.

Pemilihan tahun 1987 yang menyaksikan Dr Mahathir ditentang oleh bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah dianggap sebagai titik mula penggunaan politik wang secara berleluasa sehingga Umno berpecah-belah dan akhirnya diisytihar sebuah parti tidak sah. Tengku Razaleigh yang tewas kemudian menubuhkan Parti Melayu Semangat 46.

Perdana Menteri berkata Umno akan diwarisi generasi muda tetapi tidak ada gunanya warisan yang ditinggalkan itu sebuah parti Umno yang lumpuh dan tidak bermaya.

"Tidak syak lagi perpaduan dalam parti tidak akan kekal jika perebutan seperti pada tahun 1987 berlaku semula. Pisang mungkin tidak berbuah dua kali, tetapi parti politik bukan pisang," kata beliau.

Menurutnya permusuhan politik di kalangan orang Melayu biasanya berlanjutan ke dalam bidang sosial juga, seperti yang terjadi antara orang Umno dan Pas sekarang.

Beliau kesal budaya permusuhan yang diwujudkan oleh Pas terhadap orang Umno kini turut diamalkan sesama orang Umno sendiri sehingga berlaku permusuhan secara berkekalan akibat pertandingan merebut sesuatu jawatan parti dan segala tindakan untuk melemahkan pihak yang menang akan diambil oleh pihak yang kalah dan sebaliknya.

Namun, kata Dr Mahathir, beliau bersyukur kerana perasaan benci-membenci yang tercetus ekoran perebutan jawatan pada tahun 1987 telah

reda dan ahli-ahli S46 telah kembali ke pangkuan parti itu baru-baru ini
untuk sama-sama memperjuangkan nasib bangsa. -- BERNAMA
AM MAI